



KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN

2 JULAI 2021

MENGENAI PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Selangor dan beberapa lokaliti di Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur akan dilaksanakan mulai esok.

Saya berharap kita semua dapat mematuhi setiap SOP yang ditetapkan bagi melandaikan lengkung COVID-19 kerana ini adalah tanggungjawab bersama.

Marilah kita bersama-sama tanpa mengira latar belakang agama, bangsa mahupun fahaman politik berganding bahu memutuskan rantai COVID-19 di seluruh negara.

Pemantauan dan Penguatkuasaan SOP COVID-19 di Sektor Perkilangan dan Premis Perniagaan

Seperti yang diumumkan sebelum ini, Kerajaan akan mempertingkatkan penguatkuasaan secara menyeluruh dari segi pemeriksaan ke atas kilang-kilang dan premis-premis perniagaan kerana terlalu banyak pelanggaran arahan kerajaan dan SOP yang telah diwartakan.

Secara kumulatifnya, pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melaksanakan 97,561 pemeriksaan dan snap check COVID-19 di seluruh negara dengan jumlah kekuatan anggota seramai 20,781 orang.

Semalam, pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melakukan 2,719 pemeriksaan ke atas kilang, 15,981 premis perniagaan dan 94 asrama penempatan pekerja.

Daripada jumlah itu, lima (5) kilang dan 10 premis diarahkan tutup kerana didapati melanggar arahan kerajaan dan SOP.

Sejak 25 Jun 2021 sehingga 1 Julai 2021, sebanyak 132,633 premis perniagaan, kilang dan asrama pekerja telah diperiksa. Sepanjang tempoh itu, sebanyak 726 premis dikompaun manakala 75 lagi diarahkan tutup.

Pengoperasian Pejabat Pesuruhjaya Sumpah

Mengambil kira pejabat Pesuruhjaya Sumpah memainkan peranan penting dalam memberi sokongan terutamanya kepada sektor hartanah dan perbankan serta operasi melibatkan kontrak dan urus niaga.

Majlis Keselamatan Negara (MKN) turut memutuskan untuk membenarkan operasi pejabat Pesuruhjaya Sumpah dibenarkan sepanjang tempoh Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) KECUALI di kawasan PKPD.

Operasi Mahkamah

Bagi perbicaraan kes jenayah, ianya di benarkan beroperasi sepanjang tempoh Fasa 1 kecuali di kawasan PKPD.

Bagi kes sivil termasuk kes tribunal, dibenarkan beroperasi secara dalam talian termasuk di kawasan PKPD.

PKPD Rumah Panjang Malang anak Bada, Sungai Bayan, Mukah, Sarawak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi terkini kes COVID-19 di Rumah Panjang Malang anak Bada, Sungai Bayan, Mukah, Sarawak.

Hasil pemantauan pihak KKM mendapati berlaku peningkatan kes dalam tempoh seminggu dan sehingga kini, sebanyak 38 kes positif telahpun direkodkan hasil saringan ke atas 88 penghuni rumah panjang terbabit.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Rumah Panjang Malang anak Bada, Sungai Bayan, Mukah, Sarawak berkuat kuasa 4 Julai sehingga 17 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD memudahkan KKM menjalankan saringan dan mengesan kes positif bagi mengelak berlaku penularan ke lokaliti lain.

PKPD Kawasan Kilang Jimat Jaya Sdn Bhd, Kawasan Industri Ringan Bukit Makmur dan Asrama Pekerja di No 1, Jalan Seroja 3/2, Taman Seroja, Sungai Lalang, Kuala Muda, Kedah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi terkini kes COVID-19 di Kawasan Kilang Jimat Jaya Sdn Bhd, Kawasan Industri Ringan Bukit Makmur dan Asrama Pekerja di No 1, Jalan Seroja 3/2, Taman Seroja, Sungai Lalang, Kuala Muda, Kedah.

Dalam tempoh beberapa hari sahaja, sebanyak 471 kes positif telah direkodkan dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti ini.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kawasan Kilang Jimat Jaya Sdn Bhd, Kawasan Industri Ringan Bukit Makmur dan Asrama Pekerja di No 1, Jalan Seroja 3/2, Taman Seroja, Sungai Lalang, Kuala Muda, Kedah berkuat kuasa 4 Julai sehingga 17 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD bertujuan menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD 2 lokaliti di Kota Belud, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di Kota Belud, Sabah yang melibatkan:

- Kampung Siasai Dundau
- Kampung Pantai Emas

Sebanyak lapan (8) kes telah direkodkan di Kampung Siasai Dundau selepas 15 individu disaring manakala di Kampung Pantai Emas, seramai 73 orang disaring dan 10 kes dilaporkan.

KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di kedua-dua lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Kota Belud, Sabah, berkuat kuasa 4 Julai sehingga 17 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Kampung Naruntung, Pitas, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Naruntung, Pitas, Sabah.

Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 86 ujian saringan dan 21 daripadanya dikesan positif COVID-19. KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di kedua-dua lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Naruntung, Pitas, Sabah, berkuat kuasa 4 Julai sehingga 17 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Kampung Iban Kuala Nansang, Tawau, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Iban Kuala Nansang, Tawau, Sabah.

Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 14 ujian saringan dan lapan (8) daripadanya dikesan positif COVID-19. KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di kedua-dua lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Iban Kuala Nansang, Tawau, Sabah, berkuat kuasa 4 Julai sehingga 17 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Taman Nagasari, Mukim 6, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Taman Nagasari, Mukim 6, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 1,350 ujian saringan dan 118 daripadanya dikesan positif COVID-19. KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di kedua-dua lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Nagasari, Mukim 6, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang, berkuat kuasa 4 Julai sehingga 17 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Kampung Babagon, Penampang, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Babagon, Penampang, Sabah.

Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 40 ujian saringan dan 11 daripadanya dikesan positif COVID-19. KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di kedua-dua lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Babagon, Penampang, Sabah, berkuat kuasa 4 Julai sehingga 17 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Pelanjutan PKPD Kampung Gusi Kinarut, Papar, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Gusi Kinarut, Papar, Sabah yang dijadualkan tamat pada 3 Julai 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 700 ujian saringan dan 155 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mendapati penularan masih berlaku dalam komuniti serta terdapat kes baharu di rekodkan di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di Kampung Gusi Kinarut, Papar, Sabah bermula 4 Julai sehingga 17 Julai 2021.

Penamatan PKPD Kawasan Semarak, Tawau, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kawasan Semarak, Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 2 Julai 2021.

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 503 ujian saringan dan 119 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kawasan Semarak, Tawau, Sabah pada 2 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Perumahan Awam Desa Rejang, WP Kuala Lumpur

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Perumahan Awam Desa Rejang, Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur yang dijadualkan tamat pada 1 Julai 2021.

Hasil pemantauan KKM mendapati, terdapat penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Perumahan Awam Desa Rejang, WP Kuala Lumpur pada 2 Julai 2021 seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD PPRT Kampung Pasir Putih, Putatan, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Kampung Pasir Putih, Putatan, Sabah yang dijadualkan tamat pada 3 Julai 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 91 ujian saringan dan lapan (8) daripadanya dikesan positif COVID-19.

KKM juga mendapati, terdapat penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di PPRT Kampung Pasir Putih, Putatan, Sabah pada 3 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan Awal PKPD Rumah Panjang Gabriel Bujang anak Ikau, Sungai Lepah, Tanjung Manis, Mukah, Sarawak

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Rumah Panjang Gabriel Bujang anak Ikau, Sungai Lepah, Tanjung Manis, Mukah, Sarawak yang dijadualkan tamat pada 6 Julai 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 117 ujian saringan dan 57 daripadanya dikesan positif COVID-19. KKM juga mendapati, terdapat penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Rumah Panjang Gabriel Bujang anak Ikau, Sungai Lepah, Tanjung Manis, Mukah, Sarawak pada 3 Julai 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

Penamatan Awal PKPD Kampung Skim Pamalan, Keningau, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Skim Pamalan, Keningau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 5 Julai 2021.

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 769 ujian saringan dan 32 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Skim Pamalan, Keningau, Sabah pada 3 Julai 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 97,561 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,725 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 20,781 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 636 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 597 individu dikompaun manakala 39 lagi direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan/minum di premis (182)
- Tiada penjarakan fizikal (116)
- Individu gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (94)
- Tidak memakai pelitup muka (89)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (54)
- Membawa penumpang berlebihan (25)
- Premis gagal patuhi arahan (14)
- Aktiviti pusat hiburan (6)
- Lain-lain ()

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 10 Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas enam (6) buah kenderaan darat.

Dalam operasi itu, sebanyak 177 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui 14 aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 940 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 886 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Operasi Disinfeksi COVID-19

Semalam, sebanyak 155 operasi disinfeksi telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi 71 zon merah, zon jingga (3) dan zon kuning (10).

Operasi disinfeksi ini melibatkan 1,081 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 241 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 160 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 30,085 operasi disinfeksi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 762 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 238,560 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 76 hotel dan 12 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 8,409 individu telah dikuarantin dan 227,261 orang dibenarkan pulang manakala 2,890 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 768 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (603), pemborong (134) dan pengilang (31).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,612 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 1,584 premis mematuhi SOP manakala 28 lagi dikenakan kompaun.

Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.

#StaySafeStayHome

#AmalkanKawalanKendiri

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN**